



Sabtu – 16 Januari 2021

Halaman : 12

## Orang Asli gotong-royong baiki jalan, jambatan runtuh

**GUA MUSANG** — Penduduk Orang Asli suku kaum Temiar di Pos Bihai di sini mengambil inisiatif membaiki jalan dan jambatan rosak pada musim tengkujuh baru-baru ini.

Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, mereka sudah empat kali terputus hubungan akibat hujan lebat dalam tempoh sebulan ini.

"Terbaharu, pada Isnin lalu, jalan balak juga rosak akibat hujan lebat menyebabkan penduduk terputus hubungan dan tidak boleh keluar ke bandar untuk membeli barang makanan.

"Selain membuat jambatan sementara menggunakan kayu hutan dan buluh, penduduk juga terpaksa menutup jalan yang berlubang supaya ia mudah dilalui penduduk," katanya.

Sementara itu, penduduk Orang Asli, Aros Anek, 36, pula memberitahu, jambatan kayu di kawasan tersebut sudah tiga kali runtuh akibat banjir lumpur sebelum ini.

Menurut Aros, penduduk mengambil masa lebih 10 hari un-



PENDUDUK Orang Asli membaiki jambatan kayu yang runtuh padamusim tengkujuh di Pos Bihai, Gua Musang baru-baru ini.

tuk membina semula jambatan tersebut secara gotong-royong dengan menggunakan kayu hutan.

"Satu daripada tiga jambatan kayu berkenaan runtuh semula sekarang ini, jadi kami perlu membinanya semula dalam masa terdekat.

"Sebagai penduduk Orang Asli di Pos Bihai dan kampung-kampung lain berhampiran, kami

sudah biasa membaiki jambatan yang runtuh," katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Gua Musang, Muhamad Yusrizal Ghani berkata, pihaknya sudah menerima laporan berhubung jalan rosak tersebut.

Kawasan yang terjejas itu membabitkan kawasan Pos Bihai, Pos Belatim, Pos Tohoi dan Pos Simpor.